

MESTI BACA

Resusitasi Kardiopulmonari (Cardiopulmonary Resuscitation, CPR)

1. Resusitasi kardiopulmonari adalah bantuan kecemasan yang melibatkan teknik gabungan tekanan di bahagian dada dan hembusan ke dalam mulut mangsa.
2. Kaedah tekanan dada untuk membantu peredaran darah di dalam badan mangsa manakala kaedah hembusan membolehkan udara beroksigen masuk ke dalam trakea dan sampai ke peparu.
3. Cara yang betul untuk melakukan CPR ialah dengan cara melakukan tekanan dada sebanyak 30 kali diikuti dengan 2 kali hembusan mulut ke mulut dilakukan secara berulang sehingga ambulans tiba atau sehingga mangsa sedar.

PILIHAN JAWAPAN

Bagi soalan 6(a) - (d)

peredaran darah

30

Resusitasi kardiopulmonari (CPR)

hembusan

tekanan dada

ambulans

beroksigen

2

hembusan mulut ke mulut

JAWAB

KERTAS 2, BAHAGIAN B

6. Rajah di bawah menunjukkan Hazriq sedang melakukan bantuan kecemasan pada Mui Kian yang pengsan semasa waktu rehat di sekolah.



- (a) Apakah jenis bantuan kecemasan yang dilakukan itu?

- (b) Nyatakan **dua** teknik yang terlibat dalam bantuan kecemasan tersebut.

- (c) Mengapakah bantuan kecemasan ini penting?

Untuk membantu _____ di dalam badan

mangsa dan membolehkan udara _____ masuk ke dalam badan mangsa.

- (d) Terangkan secara ringkas bagaimana bantuan kecemasan ini dilakukan pada mangsa tersebut.

Tekanan dada sebanyak _____ kali diikuti dengan

_____ kali _____ mulut ke mulut

dilakukan secara berulang sehingga _____ tiba di tempat kejadian.